

**【Report on Tohoku Volunteer Program 2012】**  
**Mother Tongue (Malay)**

Name:TING Sin Wui

1. What impression did you have on Tohoku after 1.5 year of disaster?

Kebanyakan tempat telah pun dibina semula. Kehidupan harian kembali ke asal.

2. Please describe your experiences and tell us your reflection of them (for example, the work which you were engaged in, people's conditions you observed, the stories you heard from them, and any other interesting experiences you would like to share with readers of this report).

Hari pertama 1 September 2012:

Seorang warga tua memotong ikan di depan kesemua sukarelawan yang mengambil bahagian. Ikan yang telah dipotong telah pun dihidangkan di tengah hari untuk semua orang termasuk orang-orang di Ishinomaki. Di masa itu, saya berasa kemurahan hati orang-orang tempatan untuk mengalu-alukan para sukarelawan. Walaupun tsunami telah berlaku di sini, orang-orang tempatan masih tegas hidup dan selalu senyum di hadapan kami. Selain itu, semasa kami sedang menolong dua wanita di ladang, kita berborak tentang kehidupan harian orang-orang tempatan selepas tsunami. Pemahaman saya tentang bahasa Jepun adalah amat cetek. Justeru, seorang sukarelawan cina menterjemah perjualan tersebut kepada saya. Saya berasa bahawa orang-orang di sini amat suka berbincang dan bertukar pandangan dengan orang luar.

Hari kedua 2 September 2012:

Kerja hari ini merupakan kerja yang amat fizikal. Kebanyakan sukarelawan lelaki telah dipilih untuk melakukannya. Ianya selama 5 minit daripada tempat kami berada. Tugas hari ini adalah untuk melabelkan tali untuk menentukan lokasi untuk meletak kerang-kerang untuk pertumbuhan tiram. Encik yang tinggal di situ menunjukkan sikap yang negatif pada asalnya dan menjerit ke arah semua sukarelawan. Walaubagaimanapun, saya berasa kami tidak mempunyai banyak masa untuk berhubung dengan lelaki tersebut. Pada pukul 3 petang, kami mengadakan satu majlis persuraian yang amat menyentuhi. Para sukarelawan telah menulis satu mesej kepada warga tempatan untuk menunjukkan ribuan terima kasih ke atas hospitality mereka dan saya nampak yang mereka amat sedih dengan pemergian kami. Saya berharap agar mereka tetap tabah dalam kehidupan dan menghadapi sebarang cabaran dengan hati yang teguh.

3. What did you learn from Tohoku and what would you like to suggest to your country people in case of natural disasters that might happen in your country?

Saling tolong-menolong merupakan satu nilai yang telah saya pelajari dalam aktiviti kali ini. Menolong orang dalam keperluan, orang lain juga akan menghulurkan pertolongan di masa hadapan sekiranya kita memerlukan sebarang bantuan. Saya amat berharap agar orang-orang Malaysia terutamanya warga belia boleh mengambil bahagian dalam aktiviti sukarelawan untuk menolong mereka yang perlu demi menjaga keharmonian semua.

4. Your message to your country people

Kepada semua warga Malaysia, saya mengesakan bahawa kita harus menghulurkan bantuan kepada mereka yang perlu tanpa mengira bangsa, warna kulit, agama dan lain lain aspek.